






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KETIGA (Q3 2024)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga 2024 (Q3 2024). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga harta kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke masa.
2. Pada Q3 2024, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 4.3% tahun-ke-tahun kepada 93.6 berbanding dengan Q3 2023 dan penurunan sebanyak 1.6% suku tahun-ke-suku tahun berbanding dengan Q2 2024.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2023	Dari Q2 2024
Q3 2024	93.6	-4.3%	-1.6%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 134 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q3 2024. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.9% dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q2 2024 dan peningkatan sebanyak 34.0% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada Q3 2024, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (61.2%), diikuti oleh rumah berkembar atau semi-detached (25.4%), rumah teres (9.7%), pangaspuri (2.2%), dan tanah (1.5%).

- Harga penengah (median) bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q3 2024 adalah BND249,800. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 3.9% berbanding dengan Q3 2023 dan penurunan sebanyak 0.08% berbanding dengan Q2 2024. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan adalah BND252,300, bagi rumah berkembar adalah BND262,500, bagi rumah teres adalah BND199,000, bagi pangsapuri adalah BND305,000, dan bagi tanah adalah BND176,000. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga harta tanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
- Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian harta tanah persendirian pada Q3 2024 terletak di Daerah Brunei dan Muara dengan 110 harta tanah, diikuti dengan Daerah Belait dengan 13 harta tanah, dan Daerah Tutong dengan 11 harta tanah. Lima buah mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q3 2024 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Pengkalan Batu, and Mukim Lumapas.

Jumlah Transaksi pada Q3 2024 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	110
Belait	13
Tutong	11
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q3 2024	
Sengkurong	24
Kilanas	19
Gadong	14
Pengkalan Batu	12
Lumapas	12

- Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
- Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank
 Tarikh: 3 Rejab 1446H/ 3 Januari 2025M
 Rujukan: BDCB/COMMS/3